

Falsafah

Strategi yang kami ikuti dan tindakan yang kami ambil diselaraskan untuk penghasilan nilai bagi semua pemegang saham.



Cara AmBank

Budaya Kecemerlangan dan Profesionalisme

• Mengutamakan Pelanggan

Para pelanggan kami adalah tujuan kewujudan kami. Kami komited terhadap mereka dan akan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk semua pelanggan kami.

• Integriti

Integriti dan kejujuran sangat penting dalam segala yang kami lakukan. Kami melayani semua rakan perniagaan dan pesaing kami dengan sopan dan jujur.

• Ketangkasan dan Kreativiti

Kami berusaha untuk bersikap tabah, responsif dan tangkas dalam urusan kami. Kami tidak ragu-ragu untuk menampilkan idea dan pendekatan yang baru.

• Kualiti

Sebarang keluaran atau perkara yang kami hasilkan mewakili Kumpulan AmBank. Kami tidak akan berkompromi terhadap apa yang perlu dilakukan demi menjaga reputasi Kumpulan.

• Inisiatif

Kami diberi kuasa untuk bertanggungjawab terhadap apa yang kami lakukan dan berusaha lebih daripada biasa dan mengguna pakai keputusan yang munasabah semasa dalam proses.

• Wawasan dan Orientasi Matlamat

Kami adalah kumpulan yang berjaya. Kemenangan dan wawasan kami dicapai melalui gagasan yang bermatlamat, bertanggungjawab dan komited.

• Kerjasama Kumpulan

Kerjasama kumpulan adalah intipati kejayaan kami. Kami secara rela bersatu dalam pasukan yang formal dan tidak formal, menghargai rakan kerja kami dan bekerjasama sepenuhnya dengan mereka.

• Pemikiran Terbuka

Semangat perhubungan yang terbuka penting buat kami. Kami akan memberi dan menerima kritikan yang membina. Kami sentiasa melayani semua orang dengan penuh rasa hormat dan mesra.

• Kesedaran Diri

Kami akan melatih, membina dan membangunkan warga kami untuk membolehkan mereka menyedari potensi terbesar mereka. Kami akan mengolah keupayaan mereka untuk menyumbang dengan bermakna kepada Kumpulan AmBank.

Sejarah

1975

- Sejarah AHB bermula pada tahun 1975 dengan penubuhan Arab-Malaysian Development Bank (kini dikenali sebagai AmMerchant Bank Berhad).



1983

- Arab-Malaysian Development Bank menukarkan namanya kepada Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad (AMMB).

1984

- AMMB mengambilalih sebuah syarikat insurans am, Teguh Insurance Company Sdn Bhd dan menukarkan namanya kepada Arab-Malaysian Insurance Berhad (AMIB) untuk mencerminkan pemegang saham utamanya yang baru.

1985

- AMMB mengambilalih sebuah syarikat insurans nyawa, Perima Assurance Berhad dan menukarkan namanya kepada Arab-Malaysian Eagle Assurance Berhad (AMEAB) (kini dikenali sebagai AmAssurance Berhad). AMEAB kemudiannya digabungkan dengan AMIB pada tahun 1987. Penggabungan ini membolehkan syarikat komposit menawarkan kedua-dua insurans hayat dan am.

1991

- AHB ditubuhkan sebagai badan untuk melaksanakan skim penstrukturan semula korporat AMMB. Lanjutan daripada skim penstrukturan semula, AMMB dikeluarkan daripada senarai BSKL dan menjadi subsidiari milik penuh AHB yang kemudiannya disenaraikan dalam BSKL pada 13 Februari 1992 dengan mengambil tempat AMMB.
- Urutan daripada skim penstrukturan semula, AMMB memindahkan kesemua pelaburannya dalam Arab-Malaysian Finance Berhad (AMFB) (kini dikenali sebagai AMFB Holdings Berhad), Arab-Malaysian Credit Berhad, AMSH dan Arab-Malaysian Assurance Berhad ke dalam AHB.

1992

- AHB menyenaraikan subsidiarinya AMFB di BSKL.

1994

- AmBank Berhad (AmBank) (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysian Bank Berhad) telah ditubuhkan untuk mengambilalih perniagaan perbankan komersil cawangan Malaysia bagi Bank of America (Asia) Limited yang



1986

- AMMB melalui syarikat subsidiari milik sepenuhnya, Arab-Malaysian Security Holding Sdn Bhd (AMSH) (kini dikenali sebagai AmSecurities Holding Sdn Bhd) mengambilalih kepentingan majoriti dalam firma pembrokeran saham, Kris Securities Sdn Bhd (kini dikenali sebagai AmSecurities Sdn Bhd).

1988

- AMMB menjadi sebuah syarikat tersenarai apabila keseluruhan modal saham terbitan AMMB disebut harga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). AMMB ialah bank saudagar yang pertama yang disenaraikan di BSKL.



kemudiannya beroperasi di bawah nama Security Pacific Asian Bank Limited, cawangan Kuala Lumpur (SPABL-KL). Serentak dengan pengambilalihan operasi perniagaan SPABL-KL oleh AmBank pada 1 Ogos 1994, AHB menyelesaikan pengambilalihan ekuiti sebanyak 80.0% dalam AmBank.

1995

- Memulakan operasi perbankan pesisir pantai melalui subsidiari milik sepenuhnya, AmInternational (L) Ltd di Labuan.

1996

- Memulakan perniagaan pembrokeran hadapan melalui AmFutures Sdn Bhd yang menawarkan rangkaian penuh perkhidmatan pembrokeran instrumen derivatif kewangan.
- AmAsset Management Sdn Bhd ditubuhkan untuk mengambilalih perniagaan perkhidmatan pengurusan dana portfolio daripada AmMerchant Bank Berhad.

1998

- Selaras dengan rancangan Kerajaan untuk menggabungkan industri bagi menghadapi cabaran peningkatan liberalisasi dan globalisasi, AMFB mengambilalih aset dan liabiliti Abrar Finance Berhad.



2001

- AMFB berjaya mengambilalih MBf Finance Berhad (MBf Finance) menjadikannya subsidiari milik penuh AMFB.

2002

- AHB menyelesaikan pengambilalihan kepentingan minoriti dalam AmBank Berhad yang mewakili kepentingan ekuiti 20.0% dalam AmBank Berhad.
- Perniagaan AMFB disatukan dalam MBf Finance yang menandakan penubuhan syarikat kewangan terbesar di negara ini dari segi saiz aset dan rangkaian cawangan. AMFB telah dinamakan semula menjadi AMFB Holdings Berhad untuk mencerminkan statusnya sebagai syarikat pegangan.
- MBf Finance secara serentak menjalani pengubahsuaian identiti korporat dan dinamakan semula sebagai AmFinance Berhad selaras dengan inisiatif penjenamaan semula Kumpulan. Pembaharuan imej menandakan era baru bagi Syarikat dan meningkatkan penonjolan Syarikat dalam arena kewangan pengguna.



2005

- AHB menyenaraikan perniagaan perbankan pelaburannya di bawah AmInvestment Group Berhad ("AIGB") di Sekuriti Bursa Malaysia Berhad pada 18 Mei 2005 pada harga RM1.40 setiap saham. Pada tarikh penerbitan, harga saham AIGB kekal di atas paras harga tawaran asalnya.
- AMFB Holdings Berhad diswastakan pada 17 Mac 2005 dan saham-sahamnya dinyah senarai daripada Bursa Malaysia Securities Berhad pada 30 Mac 2005. Penyahan senarai ini membuka jalan untuk pemindahan perniagaan perbankan komersil AmBank Berhad kepada AmFinance Berhad menerusi peletakkan hak berkuatkuasa pada 1 Jun 2005. Pada tarikh yang sama, AmFinance Berhad dinamakan semula sebagai AmBank (M) Berhad untuk mencerminkan statusnya yang baru sebagai sebuah institusi perbankan dan syarikat kewangan ("BAFIN") yang dapat menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan komersil dan syarikat kewangan yang lengkap.

Struktur Korporat

Syarikat Subsidiari dan Bersekutu

Berikut adalah syarikat subsidiari dan bersekutu Kumpulan yang dikelompok di bawah rangkaian perniagaan utama.

Syarikat	Pegangan Saham Efektif (%)
Perbankan Pelaburan	
Perbankan Pelaburan	
AmInvestment Group Berhad	51.00
AmMerchant Bank Berhad	51.00
AmInternational (L) Ltd	51.00
Pembrokeran	
AmSecurities Holding Sdn Bhd	51.00
AmSecurities Sdn Bhd	51.00
AmFutures Sdn Bhd	51.00
AmResearch Sdn Bhd	51.00
AmEquities Sdn Bhd	51.00
P.T. AmCapital Indonesia	42.37
Perkhidmatan Pengurusan Dana	
AmInvestment Services Berhad	35.70
AmInvestment Management Sdn Bhd	35.70
Malaysian Venture Management Incorporated Sdn Bhd	30.09
AMMB Consultant Sdn Bhd	51.00
Pengurusan Pemegangan Harta Tanah	
AmProperty Trust Management Berhad	51.00
Perkhidmatan Pemegang Amanah & Kustodi	
AmTrustee Berhad	60.40
AMMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	51.00
AMMB Nominees (Asing) Sdn Bhd	51.00
AMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	51.00
AMSEC Nominees (Asing) Sdn Bhd	51.00
AM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	51.00
AM Nominees (Asing) Sdn Bhd	51.00
South Johor Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	51.00
Syarikat-syarikat Bersekutu – Singapura	
Frasers International Pte Ltd	24.99
Fraser Securities Pte Ltd	24.99
Fraser Financial Planners Pte Ltd	24.99
Fraser-AMMB Research Pte Ltd	24.99
Fraser Financial Services Pte Ltd	24.99
Frasers Nominees Limited	24.99
Syarikat-syarikat Lengai	
AmSecurities (HK) Limited	51.00
AMMB Labuan (L) Ltd	51.00
South Johor Securities Nominees (Asing) Sdn Bhd	51.00
AMMB Properties Sdn Bhd	51.00
Malaysian Ventures (Two) Sdn Bhd*	51.00
Malaysian Ventures Sdn Bhd*	51.00

Syarikat	Pegangan Saham Efektif (%)
Kumpulan Perbankan Komersil & Runcit	
Perbankan Komersil & Runcit	
AMFB Holdings Berhad	100.00
AmBank (M) Berhad (dahulu dikenali sebagai AmFinance Berhad)	100.00
AmBank Berhad	100.00
Lain-lain	
AmProperty Holdings Sdn Bhd	100.00
Bougainvillea Development Sdn Bhd	100.00
MBf Trustees Berhad	60.00
MBf Information Services Sdn Bhd	100.00
MBf Equity Partners Sdn Bhd	100.00
Natprop Sdn Bhd	100.00
Syarikat-syarikat Lengai	
Annlng Sdn Bhd	100.00
Crystal Land Sdn Bhd	80.00
Everflow Credit & Leasing Corporation Sdn Bhd	100.00
AmCredit & Leasing Sdn Bhd	100.00
Komuda Credit & Leasing Sdn Bhd	100.00
Lekir Development Sdn Bhd	100.00
Li & Ho Sdn Bhd	100.00
Malco Properties Sdn Bhd	50.90
MBf Nominees (Asing) Sdn Bhd	100.00
MBf Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	100.00
Teras Oak Pembangunan Sdn Bhd	100.00
Kumpulan Insurans	
Life & General Insurance	
AmAssurance Berhad	80.00
Syarikat Lengai	
Arab-Malaysian Services Berhad	80.00
Lain-lain	
Arab-Malaysian Credit Berhad	100.00
AMCB Mezzanine Sdn Bhd	100.00
AMMB Factors Sdn Bhd	100.00
AmManagement Services Sdn Bhd	100.00

* Di bawah penggulungan sukarela ahli-ahli.

Struktur

Korporat Kumpulan

Perniagaan Utama

Pada 1 Jun 2005



Lembaga Pengarah

• Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim	Pengerusi
• Y Bhg Dato' Azlan Hashim	Timbalan Pengerusi
• Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar	Pengarah
• Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	Pengarah
• Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman	Pengarah
• Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	Pengarah
• Y Bhg Tan Sri Dato' Dr Lim Kok Wing <i>(dilantik pada 1 November 2004)</i>	Pengarah
• Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain	Pengarah
• Y Bhg Dato' Izham Mahmud	Pengarah
• Encik Cheah Tek Kuang	Pengarah Urusan Kumpulan
• Encik Soo Kim Wai	Pengarah
• Puan Shalina Azman	Pengarah

Maklumat Korporat

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 22
Bangunan AmBank Group
55 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: 03-2078 2633/44/55
No. Faks: 03-2031 6453
Teleks: MA 31167 & 31169 ABMAL
Kabel: ARABMAL

PENDAFTAR

Symphony Share Registrars
Sdn Bhd
Level 26
Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: 03-2721 2222
No. Faks: 03-2721 2530

JURUAUDIT

Tetuan Ernst & Young
Akauntan Berkanun

BANK UTAMA

AmBank (M) Berhad

PENYENARAIAAN BURSA SAHAM

Papan Utama Bursa Malaysia
Securities Berhad
(13.02.92)

LAMAN WEB

ambg.com.my

*Sila e-mel komen dan pertanyaan
anda ke:*
gpa@ambg.com.my



Setiausaha Syarikat Kumpulan

Ravindra Kumar Thambimuthu
LL B (Melbourne)
LL B (Hons)
LL M (London)
Dip Air & Space Law (London)